

14/11/1998

EON buka pejabat cawangan terbesar di Ipoh

Azmi Md Deros

EDARAN Otomobil Nasional Bhd (EON) membuka pejabat cawangannya yang terbesar di negara ini di Ipoh, semalam dalam usahanya memberikan perkhidmatan cemerlang kepada pembeli kereta nasional.

Pengarah Urusannya, Datuk Adzmi Abdul Wahab, berkata pembukaan cawangan berkonsepkan 'empat dalam satu' itu perlu di bandar besar lain bagi membolehkan EON memberi perkhidmatan serba lengkap dan berkesan kepada pembeli sejajar imejnya sebagai pengedar terbesar kereta nasional itu.

Selain menjual kereta baru, cawangan itu turut menjual kereta Proton terpakai oleh EON Motoria, menjual alat ganti dan aksesori serta menyediakan perkhidmatan servis.

Pejabat cawangan atas tapak seluas dua hektar itu dibina dengan kos hampir RM8.6 juta.

"Konsep 'empat dalam satu' ini mampu berfungsi sebagai pusat sehenti yang akan meningkatkan lagi prestasi khidmat jualan kereta nasional.

"Tahun depan EON akan menaikkan taraf dua cawangannya, iaitu Johor Bahru (Johor) dan Kota Kinabalu (Sabah) menjadi pejabat cawangan mengikut konsep 'empat dalam satu'.

"Taraf pejabat cawangan di bandar besar lain juga akan ditingkatkan dari semasa ke semasa bagi memenuhi permintaan kereta Proton yang semakin meningkat," katanya kepada pemberita di Ipoh, semalam.

Terdahulu, Menteri Besar, Tan Sri Ramli Ngah Talib merasmikan pejabat cawangan baru itu dan melancarkan kereta Proton Perdana V6.

Sempena pembukaan cawangan baru itu, EON turut mengadakan karnival dengan pelbagai pakej tawaran yang menarik bagi kereta terpakai, alat ganti, aksesori dan servis selama tiga hari.

Dalam tempoh itu, EON turut menawarkan kadar faedah bagi pinjaman membeli kereta Proton baru pada kadar 7.9 peratus, berbanding 8.35 peratus pada hari biasa.

Pejabat cawangan di Johor Bahru, Kota Kinabalu dan Glenmarie di Shah Alam ketika ini hanya menawarkan perkhidmatan 'tiga dalam satu', iaitu jualan kereta baru, alat ganti dan aksesori serta perkhidmatan servis.

Sementara itu, Adzmi berkata, sejak Proton Perdana V6 dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin, ia mendapat sambutan hebat apabila 100 unit sudah ditempah.

Menurutnya, penjualan kereta oleh EON juga meningkat daripada 2,300 unit pada Februari lalu kepada antara 6,000 dan 7,000 unit pada dua bulan lalu, sekali gus menandakan keyakinan orang ramai terhadap program pemulihan ekonomi yang dilaksanakan kerajaan.

(END)